

Farmasi & Bekalan

Perkhidmatan

Posted by: webmaster

Posted on : 2013/4/29 3:30:00

[Home](#) / [Perkhidmatan](#) / [Sokongan Klinikal](#) / Farmasi & Bekalan

PENDAHULUAN

Unit Perkhidmatan Farmasi dan Bekalan Hospital Baling merupakan salah satu perkhidmatan sokongan terpenting yang terdiri daripada dua bahagian iaitu Unit Farmasi dan Unit Stor Perubatan Integrasi. Unit Farmasi menyediakan perkhidmatan Farmasi Pesakit Luar, Farmasi Pesakit Dalam dan Farmasi Pengeluaran. Manakala Unit Stor Perubatan Integrasi menyediakan perkhidmatan perolehan, penyimpanan dan pembekalan ubat-ubatan, alatan perubatan dan bukan perubatan, gas perubatan dan aset hospital kepada unit-unit di hospital.

VISI

Perkhidmatan Yang Mesra Pelanggan Dan Kearifan Aduan Sifar.

MISI

Sentiasa Memenuhi Kehendak Pelanggan Dengan Perkhidmatan Yang Berkualiti.

PIAGAM PELANGGAN

Unit Farmasi

Kami Menjanjikan:

Layanan mesra setiap masa

Pesakit akan dibekalkan ubat-ubatan dalam masa 15-30 minit. Sekiranya surat ubat (preskripsi) itu sah, lengkap dan tidak bermasalah

Setiap ubat-ubatan yang akan dibekalkan tepat, berkualiti, selamat dan berkesan

Ubat-ubatan akan dilabel dengan lengkap dan jelas

Pesakit akan diberikan kaunseling ubat-ubatan oleh Pegawai Farmasi bila perlu.

Unit Stor Perubatan Integrasi

Unit Stor Perubatan Integrasi berazam untuk memenuhi kehendak pelanggan sejajar dengan objektifnya dan memberi jaminan bahawa:

Peruntukan akan dibelanjakan dengan seimbang dan sebaik mungkin bagi mengoptimalkan sumber-sumber.

Stok barang-barang standard dan bukan standard yang disimpan stoknya akan sentiasa mencukupi dan dapat memenuhi keperluan penggunaan semasa.

Bagi perolehan bagi barang-barang standard dan bukan standard (bukan simpanan stok) akan

dibekal terus kepada pemesan/pengguna tanpa disimpan stok.

Pembekalan barang-barang akan dibuat dalam masa empat (4) minggu dari tarikh borang permohonan diterima.

Memberi layanan yang mesra setiap masa.

Kami akan memenuhi [akreditasi](#) yang ditetapkan.

[Carta Organisasi](#)

Pegawai Bertanggungjawab :

Pn. Azlida Binti Selamat (Pegawai Farmasi U48)

Telefon (P) : 04-4701333 Ext 1320

Email : azlida@moh.gov.my